

HASiL/2026/01/05 – 03

PRESTASI BAYARAN BALIK CUKAI TAHUN 2025 MENCECAH

RM22.5 BILION MELIBATKAN 3,713,025 KES

CYBERJAYA, 5 JANUARI 2026 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa dalam tahun 2025, bayaran balik cukai yang telah selesai diproses adalah berjumlah **RM22.5 bilion** melibatkan **3,713,025 kes**. Jumlah ini termasuklah peruntukan tambahan bayaran balik berjumlah RM3.5 bilion yang telah diterima oleh HASiL pada 25 hingga 31 Disember 2025.

Dana tambahan RM3.5 bilion yang diperuntukkan telah selesai diproses untuk dikreditkan kepada pembayar cukai yang mempunyai amaun bayaran balik yang berusia satu (1) ke dua (2) tahun dengan tumpuan diberikan kepada syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Susulan Amanat Tahun Baharu 2026 oleh YAB Perdana Menteri, HASiL komited untuk menyelesaikan bayaran balik cukai yang berbangkit dalam Tahun Taksiran 2023 pada suku pertama tahun 2026 dan bayaran balik cukai yang berbangkit dalam Tahun Taksiran 2024 pada hujung tahun 2026.

HASiL juga ingin menasihatkan pembayar cukai supaya mengemas kini dan memastikan maklumat akaun bank yang dilaporkan kepada HASiL adalah tepat dan terkini bagi membolehkan proses bayaran balik dilaksanakan dengan lebih lancar. Ini kerana terdapat sebahagian bayaran balik tidak dapat diproses atas sebab kesilapan atau ketiadaan maklumat akaun bank yang betul. Selanjutnya juga, tiada bayaran balik dapat diproses kerana melibatkan pertikaian kes mahkamah, pembayar cukai mempunyai tunggakan bagi tahun taksiran lain dan syarikat yang layak menerima bayaran telah digulung atau dibubarkan.

HASiL akan terus memastikan bayaran balik diselesaikan secara teratur dan berperingkat mengikut keutamaan jumlah bayaran balik dan keutamaan turut diberikan kepada amaun tertunggak yang melibatkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 05 Januari 2026